



KEADAAN banjir kilat di laluan menghala ke LRT Glenmarie, semalam.

Mat motor terkandas

■ Laluan ditenggelami air hampir semeter akibat hujan jam 4 petang

Mohd Fadly Samsudin
fadly@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Ratusan penunggang motosikal terkandas selepas laluan motosikal di Jalan 222, Lebuhraya Persekutuan menghala ke Klang, dinaiki air sedalam hampir satu meter, petang semalam.

Paras air yang meningkat secara mendadak berpunca hujan lebat bermula jam 4 petang turut menyebabkan kejadian banjir kilat di beberapa lokasi berhampiran.

Berikutan itu, tiga anggota polis trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya bertindak mengawal kelancaran

lalu lintas serta membantu menyelesaikan masalah tahanan air yang tersumbat di laluan motosikal.

FAKTA
Anggota polis trafik IPD Petaling Jaya kawal lalu lintas

Kejadian banjir kilat turut menyebabkan aliran trafik di persimpangan Menara Jam dari Plaza Tol Subang ke Le-

buhraya Persekutuan di Batu Tiga, Shah Alam ditakungi air hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Jurucakap Bomba dan Penyelamat Selangor berkata, banjir kilat itu turut menyebabkan Jalan Lapangan Terbang di sini, ditenggelami air sedalam 0.3 meter.

“Bagaimanapun paras air kawasan berkenaan mulai surut jam 6.48 petang semalam,” katanya.